

# UMS cari teknik terbaharu tingkat produktiviti pertanian, penterernakan

NST 30.10.16 3

**SANDAKAN:** Penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa berusaha mencari teknik dan inovasi terbaharu untuk meningkatkan produktiviti bidang pertanian, penterernakan dan makanan. Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata terbaharu, pengkaji UMS berjaya menghasilkan penemuan nanas kultur tisu dan pembiakbakaan ketam bakau.

Katanya kajian akan terus dilakukan penyelidik UMS bertujuan untuk menghasilkan benih ternakan dan tanaman yang lebih berkualiti.

"Ini akan memberikan manfaat kepada petani dan nelayan di negeri ini seterusnya membantu meningkatkan sumber makanan," katanya ketika berucap pada majlis Karnival Tani Fakulti Pertanian Lestari UMS Kampus Sandakan yang dirasmikan Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman di sini, kelmarin.

Harun berkata terbaharu UMS menerusi anak syarikatnya, UMS Investment Holding Sdn Bhd atau UiNVEST berjaya mengeluarkan produk Bawang Hitam dan Kulat Hitam dengan kerjasama Heilongjiang Academy of Science, China.

Katanya UMS merupakan universiti pertama mendapat pengiktirafan Sijil Halal Malaysia daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi kedua-dua produk berkenaan.

Mengenai Fakulti Pertanian Lestari Kampus Sandakan, Mohd Harun berkata sepanjang tempoh 10 tahun diwujudkan, fakulti itu berjaya melahirkan 379 graduan sarjana muda dalam bidang tanaman, holtikultur dan landskap dan dalam bidang ternakan.

Katanya mahasiswa universiti berkenaan berjaya memasuki pasaran pekerjaan sama ada sebagai pekerja ataupun usahawan. -Bernama